

Indonesia tidak halang rakyat bekerja di Malaysia

B/H C 16/D/2000

IPOH, Selasa – Kerajaan Indonesia tidak akan menghalang kemasukan rakyatnya ke negara ini untuk mencari pekerjaan, terutama sebagai pembantu rumah walaupun ada di antara mereka didera majikan masing-masing.

Ketua Protokol Konsulat Indonesia di negara ini, Fachry Sulaiman, berkata walaupun berlaku penderaan warga Indonesia, jumlahnya kecil berbanding keseluruhan pekerja negara itu di Malaysia.

Beliau berkata, Indonesia juga percaya pihak berkuasa berkaitan di negara ini, terutama polis mempunyai undang-undang yang cukup untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi membendung kejadian itu.

“Kita percaya peraturan sedia ada di Malaysia cukup untuk melindungi kebajikan pekerja asing di sini.

“Bagaimanapun, kita amat prihatin dengan kejadian seumpama itu dan sentiasa memantau perkembangannya,” katanya selepas melawat pembantu rumah mangsa dera, Kusiah Manijan, 32, yang dimasukkan ke Unit Pemerhatian Giat atau High Dependency Unit (HDU) Hospital Ipoh (HI), di sini, petang ini.

Kusiah parah di dahi kirinya kerana dipercayai dipukul seketul batu dimasukkan ke HI jam 5.20 pagi semalam.

Fachry berkata, sejak berita penderaan seorang lagi pembantu rumah Indonesia, Nurjanah Matyak, 40, didedahkan Jabatan

Imigresen bulan lalu, ini kes kelima yang diterima kedutaan membabitkan penderaan pembantu rumah.

Beliau juga merayu majikan yang mengambil pekerja asing, terutama pembantu rumah supaya melayan mereka seperti keluarga sendiri.

“Jika tidak dilayan seperti keluarga sendiripun, layanlah mereka seperti manusia kerana mereka sanggup meninggalkan keluarga yang jauh demi mencari rezeki,” katanya.

Beliau meminta orang ramai yang mengetahui kes penderaan pekerja Indonesia supaya melaporkannya kepada kedutaan negara itu melalui talian 03-2418248 atau 012-2780657.